

SSM: 1029068-P | KPL: 7168



KembaraSufi  
Travel & Tours Sdn Bhd

9 HARI 7 MALAM

# YUNNAN CHINA

KEMBARA SUFI TRAVEL & TOURS SDN BHD

KUNMING | DALI | LIJIANG | SHANGRILA | YILIANG

# PAKEJ YUNNAN CHINA 9 HARI 7 MALAM

KUNMING | DALI | LIJIANG | SHANGRILA | YILIANG

## HARI 1 : MALAYSIA – KUNMING

Berkumpul di KLIA 1 dan berlepas ke Kunming.

## HARI 2 : KUNMING–DALI

Tiba di Kunming pada awal pagi. Anda akan disambut oleh tour guide di balai ketibaan dan terus ke Dali. Perjalanan ke Dali (±5 jam). Singgah di **Ideal State – Santorini versi China**, lokasi popular media sosial dengan pemandangan indah Tasik Erhai. Setibanya di Dali, solat di **Masjid Dali Nanmen**, antara masjid tertua di kawasan ini. Kemudian lawati **Dali Old Town** kota bersejarah yang terletak di antara Tasik Erhai dan Gunung Cangshan. Nikmati suasana tradisional dengan seni bina etnik Bai. Jelajahi kota lama ini dengan pintu gerbang purba, menara lama, lorong berbatu, kuil, muzium, dan kedai kedai unik. Seni bina tradisional etnik Bai yang berwarna-warni mencerminkan sejarah dan kehidupan moden masyarakat tempatan. Bertolak ke hotel dan berehat.

## HARI 3 : DALI- XIZHOU OLD TOWN- LIJIANG

Selepas sarapan pagi, anda akan dibawa ke Bandar Bersejarah Xizhou. Lawatan ke **Xizhou Old Town**, bekas hentian penting di laluan purba Tea Horse Road. Terkenal dengan seni bina etnik Bai dan proses pembuatan keju tradisional Rushan. Seterusnya, perjalanan diteruskan ke **Lijiang**, sebuah **tapak Warisan Dunia UNESCO** yang menawarkan pemandangan indah Jade Dragon Snow Mountain. Dalam perjalanan, singgah di **Lijiang Muslim Village** berhampiran Dali, sebuah kampung bersejarah yang menampilkan gabungan seni bina Cina-Islam. Beramah mesra dengan keluarga Muslim Hui tempatan sambil menikmati teh dan berkongsi kisah kehidupan mereka. Selesai solat di masjid kampung, perjalanan diteruskan ke Lijiang. Selepas itu, anda akan daftar masuk hotel di Lijiang.

## HARI 4 : LIJIANG– JADE DRAGON SNOW MOUNTAIN IMPRESSION LIJIANG SHOW– BLUE MOON VALLEY

Selepas sarapan pagi, anda akan bergerak terus ke **Jade Dragon Snow Mountain**. Kita akan **menaiki cable car** untuk dibawak ke **Glacier Park**. Anda dapat menikmati sekeliling Kawasan dengan pemandangan yang sangat menarik. Kemudian, anda akan dibawa untuk melihat pertunjukan yang dilakukan oleh penduduk tempatan Lijiang iaitu **Impression Lijiang Show**. Pertunjukan ini dilakukan dengan berlatar belakang Jade Dragon Snow Mountain. Selepas itu, anda akan dibawa ke **Blue Moon Valley**. Anda dibenarkan untuk bersiar-siar di situ di mana ia adalah di kawasan kaki bukit Jade Dragon Snow Mountain. Kemudian anda akan pulang semula ke Hotel.

**Nota: Tiada restoran halal di Jade Dragon Snow Mountain, makan tengah hari akan disediakan dalam bentuk pack food.**

## HARI 5 : LIJIANG/ TIGER LEAPING GORGE/ NAPA LAKE WETLAND/ DUKEZONG OLD TOWN/ SHANGRI-LA

Selepas sarapan pagi, anda akan mulakan hari anda dengan lawatan ke **Herbal Medicine Center**. Dalam perjalanan ke Shangri-La, singgah di **Tiger Leaping Gorge**, salah satu gaung paling dalam dan menakjubkan di dunia, lengkap dengan eskalator naik dan turun. Setibanya di **Shangri-La**, lawati **Napa Lake Wetland** atau Napa Hai Nature Reserve – tasik yang berubah mengikut musim dan menjadi habitat burung bangau berkepala hitam yang unik pada musim sejuk. Sebelum makan malam, jelajah **Dukezong Old Town** dengan lorong sempit, rumah Tibet lama, kedai kraftangan tempatan, dan suasana tradisional kedai teh. Selepas itu, anda akan menuju ke Hotel di Shangri-la untuk urusan daftar masuk dan berehat.



## HARI 6 : POTATSO NATIONAL PARK- LIJIANG OLD TOWN

Selepas sarapan pagi, anda akan melawat ke Potatso National Park iaitu Kawasan yang dipenuhi dengan tasik biru, padang rumput yang subur dan gunung yang dilitupi salji. Kemudian, kita akan bergerak pulang ke Lijiang yang dimana kita akan melawat Lijiang Old Town yang terkenal dengan jalan batu berbatu purba, jambatan batu dan terusan yang dikuasakan oleh roda air yang dihiasi dengan bunga. Naiki cerun Lion Hill untuk melihat pemandangan bandar lama dan pergunungan di sekitarnya. Selepas itu, kita akan menuju ke Hotel di Lijiang untuk urusan daftar masuk dan berehat.



## HARI 7 : BULLET TRAIN TO KUNMING- YILIANG

Selepas sarapan pagi, kita akan menuju ke stesen dan kita akan **menaiki Bullet Train** menuju ke **Kunming**. Anda akan menikmati permandangan sepanjang perjalanan dari Lijiang ke Kunming. Selepas makan tengahari, kita akan beli belah di kedai barangan kemas. Kemudian, anda juga berpeluang untuk **membeli-belah di Luosiwan Wholesale Market**. Kemudian, kita akan bergerak ke **Yiliang** dan menuju ke Hotel di Yiliang untuk urusan daftar masuk dan berehat.



## HARI 8 : STONE FOREST-KUNMING

Selepas sarapan pagi, kita akan daftar keluar dari hotel di Yiliang. Kemudian, kita akan bergerak menuju ke Stone Forest. Sepanjang perjalanan ke **Stone Forest**, anda dapat menikmati permandangan Kawasan sekeliling yang dipenuhi dengan permandangan yang sangat cantik. Stone Forest merupakan Tapak Warisan UNESCO. Kita dapat bersiar-siar di Kawasan Stone Forest yang mempunyai permandangan yang sangat menakjubkan. Seterusnya, kita akan lawati **Ladang Astaxanthin** bertaraf dunia seluas 80 ekar, yang menggunakan teknologi canggih dengan 100% tiub kaca foto-bioreaktor untuk menghasilkan Astaxanthin berasaskan algae berkualiti tinggi di dunia. Solat di **Masjid Shuncheng**, masjid tertua di Kunming. Kemudian tibalah masanya untuk membeli-belah di **Chongren Street iaitu Muslim Street di Kunming**, dengan banyak restoran halal dan kedai snek halal yang telah lama dihormati. Para peserta boleh membeli makanan malam di sini. Selepas itu, anda akan dibawa ke tempat ikonik Kunming iaitu the **Golden Horse and Jade Rooster Archways**. Anda dibenarkan untuk mengambil gambar di sini. Selepas itu, kita akan menuju ke airport untuk urusan check-in flight



## HARI 9 : KUNMING-KUALA LUMPUR

Penerbangan pulang pada awal pagi dan akan tiba di Kuala Lumpur pada awal pagi.



## Makluman:

1. Itinerary boleh berubah bergantung pada keadaan seperti cuaca dan traffic congestion.

2. Harga pakej, jadual lawatan yang dinyatakan adalah mengikut perubahan semasa seperti jadual Penerbangan (In/Out), Masa Penerbangan, Harga Penerbangan, Pertukaran matawang, keselamatan negara dilawati dan perubahan Cuaca

### PAKEJ TERMASUK



- Tiket penerbangan antarabangsa
- Bagasi 20 KG pergi-balik seorang
- Makanan seperti di dalam jadual perjalanan
- Tiket tempat lawatan (seperti yang dinyatakan)
- Pengangkutan (Sepanjang trip)
- 1 botol air mineral per day
- Penginapan (Bertaraf 3 Bintang & setaraf)
- Bullet train (One Way) Round Trip
- Cablecar
- Pemandu pelancong

### PAKEJ TIDAK TERMASUK



- Insurans Perjalanan (optional): RM100/pax
- Tipping (RM250/pax)
- Surcharge (Peak Season/Cuti Sekolah) RM250 seorang
- Optional Tour- Yunnan Image Show (300 Yuan)
- Segala yang tidak dinyatakan

## MAKLUMAT HARGA

### TIPPING | SURCHARGE

### TIPPING

**RM250**

### Surcharge

(harga berubah mengikut Situasi/Musim)

**RM250**



## INFO PENTING:

Harga pakej tertakluk kepada perubahan kadar mata wang atau caj musim puncak, dan pihak KSTTSB akan memaklumkan sebarang perubahan terlebih dahulu.

Pasport yang sah dan tidak kurang dari enam (6) bulan dari tarikh penerbangan.

Peserta dinasihatkan untuk membuat semakan status senarai hitam (blacklist) ke luar negara terlebih dahulu sebelum berlepas.

Pihak KSTTSB tidak akan bertanggungjawab terhadap isu senarai hitam peserta, dan sebarang pembayaran yang telah dibuat tidak akan dipulangkan sekiranya perkara ini berlaku.

### POLISI BAYARAN:

- Minimum Deposit RM1000.00 seorang
- Bayaran penuh untuk tiket pesawat antarabangsa/domestik diperlukan semasa proses tempahan sekiranya melibatkan tempahan tiket penerbangan.
- Kami tidak bertanggungjawab atas kenaikan harga disebabkan kelewatan anda membayar pakej.

### TEMPOH BAYARAN

90 HARI – 70%  
60 HARI – 90%  
45 HARI – 100%

**Tiada Pemulangan deposit akan dibuat sekiranya peserta membatalkan pakej yang telah diambil. Akan tetapi peserta boleh memilih salah satu dari pilihan iaitu menukar dengan peserta lain (hanya apabila tiket penerbangan)**

**Sebelum membuat tempahan sila lihat “terma dan syarat” yang telah disediakan**



[www.kembarasufi.com/terma](http://www.kembarasufi.com/terma)

**Sila baca, fahami dan mengisi maklumat di bawah laman web di link Terma & Syarat yang telah disediakan terlebih dahulu. sebelum membuat sebarang tempahan atau bayaran deposit.**

KEMBARA SUFI TRAVEL & TOURS SDN BHD



**Maybank**  
**5621-0663-0695**

**Slip pembayaran perlu dihantar ke email / whatsapp selepas selesai bayaran dibuat.**

### PERHATIAN :

Sila e-mel atau WhatsApp resit bukti pembayaran yang telah dicatat dengan nama, tarikh trip, dan nombor kad pengenalan anda, berserta salinan pasport yang jelas kepada pihak kami untuk tujuan pengeluaran resit rasmi KSTTSB.

**Dengan membuat tempahan dan bayaran deposit, anda dianggap bersetuju serta terikat sepenuhnya dengan semua terma dan syarat yang ditetapkan.**



**KembaraSufi**  
Travel & Tours Sdn Bhd  
SSM: 1029068-P | KPL: 7168

**"PENERAJU PAKEJ PERCUTIAN TERMURAH DI MALAYSIA"**